

MEMBAIKI TULISAN PELAJAR TINGKATAN PERALIHAN DENGAN KAEDAH ANSUR MAJU

Oleh

Tiong Houg Ching
Sek. Men. Keb. Simanggang,
95000 Sri Aman.

Abstrak

*Kajian ini dijalankan apabila saya dapati ada 5 orang pelajar kelas peralihan saya masih belum boleh menulis dengan teratur dan kemas dalam buku latihan 2 garisan. Tulisan mereka lintang-pukang, buruk, dan tidak ditulis mengikut garisan dalam buku latihan. Ini menyebabkan tulisan mereka sukar dibaca. Saya berasa bimbang dengan keadaan tulisan mereka kerana kini mereka sudah berada di sekolah menengah. Kajian ini bertujuan untuk membantu 5 orang pelajar itu menulis dengan teratur dan kemas. Satu program bimbingan secara intensif bernama **Kaedah Ansur Maju** dirancang dan dilaksanakan untuk membaiki tulisan 5 orang pelajar itu. Di samping itu, kajian juga bertujuan untuk menambah baik amalan saya selama ini.*

LATAR BELAKANG KAJIAN

Sekolah Menengah Kebangsaan Simanggang terletak di Bandar Sri Aman. Setiap tahun, sekolah ini membuka satu kelas peralihan, iaitu kelas Peralihan Cempaka (PCP). Kelas ini bertujuan untuk menempatkan pelajar-pelajar yang gagal dalam mata pelajaran Bahasa Melayu semasa peperiksaan UPSR dan juga lemah dalam mata pelajaran lain. Pada bulan Januari tahun ini, saya telah ditugaskan untuk menjadi guru tingkatan kelas tersebut. Selain guru tingkatan, saya juga bertanggungjawab mengajar mata pelajaran Amalan Bahasa Melayu kelas itu. Kelas itu mempunyai seramai 24 orang pelajar. Antaranya terdiri daripada 18 orang pelajar lelaki dan 6 orang pelajar perempuan. Mereka terdiri daripada kaum Cina, Iban, dan Melayu.

Selepas satu sesi pengajaran dan pembelajaran, saya meminta mereka membuat latihan bertulis. Latihan itu berupa menulis ayat mudah. Selepas menulis, mereka menghantar latihan yang telah siap. Saya dapati ada segelintir antara mereka tidak dapat menulis dengan baik. Tulisan mereka lintang-pukang dan tidak ditulis mengikut garisan yang terdapat dalam buku latihan 2 garisan. Mereka tidak dapat menulis dengan baik. Tulisan mereka cakar ayam. Saya mendapati sukar membaca tulisan mereka. Saya mengenal pasti 5 orang pelajar yang mempunyai masalah dalam tulisan. Mereka ialah Yung, Wil, Ray, Hua, dan Raf seperti yang ditunjukkan berikut.

Saya pun menegur tulisan mereka. Saya menasihati mereka agar menulis dengan betul dan kemas. Namun, pada hari-hari berikutnya saya masih menemui masalah yang sama. Pada 1 Februari 2005, saya pun memanggil seorang demi seorang daripada mereka tampil ke meja saya untuk menyalin ayat yang saya sediakan. Saya berbuat demikian agar mereka dapat menulis dengan bersungguh-sungguh di hadapan saya. Ini kerana saya merasakan mereka ini bersikap main-main sahaja semasa menulis. Mereka tidak serius dalam aktiviti menulis. Namun, hasilnya masih sama. Tulisan mereka masih lagi buruk, cakar ayam dan sukar dibaca.

OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk:

- menambah baik amalan sendiri dalam pengajaran dan pembelajaran, dan
- membantu pelajar saya menulis dengan teratur dan kemas dalam mata pelajaran Amalan Bahasa Melayu.

PERSOALAN KAJIAN

- Apakah yang harus saya buat untuk menambah baik dalam saya?
- Bagaimanakah saya boleh membantu pelajar saya menulis dengan teratur dan kemas?

PERANCANGAN KAJIAN

Bagi mencapai objektif kajian saya ini, saya telah merancang satu program bimbingan kelompok secara intensif ke atas pelajar saya. Saya memperuntukkan masa selama 15 minit setiap kali waktu Amalan Bahasa Melayu untuk tempoh selama 2 bulan bersama dengan mereka. Dalam seminggu, saya memasuki kelas sebanyak 4 kali. Oleh itu, saya meluangkan masa selama sejam dalam seminggu membuat bimbingan. Ini bertujuan memberi peluang kepada mereka untuk menulis dengan teratur dan kemas dalam mata pelajaran Amalan Bahasa Melayu.

Program yang saya rancangkan itu dilaksanakan di dalam bilik darjah semasa rakan-rakan pelajar yang lain membuat latihan yang saya berikan. Saya meminta mereka duduk di hadapan kelas dan menulis.

PELAKSANAAN TINDAKAN

Kaedah kajian yang saya gunakan ialah **Kaedah Ansur Maju**. Kaedah ini menekankan cara menguasai sesuatu kemahiran itu secara beransur-ansur. Kaedah ini merupakan satu kaedah pelajar mempelajari sesuatu kemahiran itu bermula dari langkah yang paling asas kemudian beralih ke aras yang lebih sukar dan seterusnya sehinggalah mereka dapat menguasainya.

Sebelum melaksanakan **Kaedah Ansur Maju**, saya menjalankan temu bual dengan mereka. Pada mulanya, saya telah membina hubungan rapuh dengan mereka. Saya telah menggunakan bilik kaunseling sebagai tempat untuk menjalankan sesi kami. Sebelum temu bual bermula, saya meminta mereka menandatangani surat kebenaran yang telah saya sediakan seperti yang ditunjukkan berikut.

SURAT KEBENARAN

Saya, murid kelas tingkatan**sudi/ tidak sudi** menerima bimbingan daripada Cikgu Tiong Houg Ching untuk menguasai kemahiran menulis dengan teratur, baik, dan kemas bermula pada 1 Februari 2005.

Saya faham bahawa selepas saya berjaya menguasai kemahiran menulis, saya boleh menulis dengan baik dan kemas.

Sekian.

Yang benar,

.....

Kebenaran itu termasuk menggunakan nama samaran dalam kajian tindakan ini. Saya memberi masa yang cukup panjang untuk mereka berfikir dan seterusnya memberi maklum balas kepada saya. Mereka sebulat suara bersetuju dan bersedia untuk dibantu. Mereka menerimanya secara sukarela. Selain itu, saya juga meminta mereka memaklumkan kajian tindakan itu kepada ibu bapa mereka. Ibu bapa mereka menerima tindakan kajian ke atas anak-anak mereka dengan hati terbuka.

Saya kemudiannya menjalankan temu bual secara kelompok. Temu bual itu dilakukan selepas saya mengajar semua murid di dalam kelas. Saya mengemukakan soalan terbuka dan mereka dikehendaki menjawab dan menyatakan pendapat mereka. Saya banyak meneroka untuk mendapat maklumat yang berguna untuk saya merancang aktiviti seterusnya. Contoh soalan seperti soal selidik berikut.

SOAL SELIDIK

JAWAB “ / ” ATAU “ X ” BAGI SOALAN-SOALAN BERIKUT.

1. () Anda pernah mendapat bimbingan menulis daripada bapa, emak, abang, kakak, dsb.
2. () Anda suka menulis.
3. () Anda berminat untuk menulis.
4. () Anda menulis dengan bersungguh-sungguh.
5. () Anda tahu cara memegang pensel dengan baik.
6. () Anda tahu kedudukan badan dan buku yang membolehkan anda menulis dengan selesa.
7. () Anda selalu menyiapkan kerja yang diberi oleh guru.
8. () Anda menumpukan sepenuh perhatian semasa menulis.
9. () Anda suka membaca tulisan anda.
10. () Anda pernah berusaha untuk memperbaiki tulisan anda.

Saya menemu bual Yung, Wil, Ray, Hua, dan Raf tentang latar belakang keluarga dan dirinya sendiri dengan bantuan soalan seperti berikut.

MAKLUMAT DIRI

Nama :

No kad pengenalan :

Umur :

Tarikh lahir :

Tingkatan :

Hobi :

Cita-cita :

Pekerjaan bapa :

Pendapatan sebulan :

Pekerjaan ibu :

Pendapatan sebulan :

Alamat rumah :

.....

Alamat surat-menyurat :

.....

.....

Bilangan adik-beradik :

Tahap persekolahan bapa :

Tahap persekolahan ibu :

Maklumat yang saya dapat hasil daripada penerokaan saya ialah mereka ini tidak mendapat bimbingan menulis sejak pra sekolah. Ibu bapa mereka sibuk dengan kerja. Mereka hanya belajar menulis selepas masuk ke kelas tadika. Bilangan murid dalam kelas tadika ramai. Oleh itu, mereka tidak berpeluang mendapat bimbingan menulis secara individu. Mereka hanya memerhatikan guru

mereka menulis di papan tulis. Mereka belajar menulis dengan meniru gaya guru mereka menulis di atas papan tulis.

Pada mulanya, saya menjadi *role model* kepada mereka. Saya tunjukkan cara memegang pensel kepada mereka. Saya melatih mereka memegang pensel mengikut cara saya. Setelah berlatih beberapa kali, mereka dapat memegang pensel dengan cara yang betul. Selepas itu, saya melatih mereka menulis dengan kedudukan tangan dan buku latihan yang selesa. Saya menunjukkan kedudukan tangan dan buku latihan semasa menulis. Kemudian, saya meminta mereka mencontohi tindakan saya. Mereka juga berjaya menguasai kemahiran yang saya praktikkan itu.

Apabila mereka telah tahu memegang pensel dan menulis dalam kedudukan buku latihan dan tangan yang selesa, saya mula melatih mereka asas menulis. Saya melatih mereka menulis garisan melengkung, turun naik mengikut garisan, menulis garisan bergulung-gulung, dan sebagainya. Langkah ini bertujuan untuk melatih koordinasi mata dan psikomotor mereka agar boleh menulis dengan lancar.

Selepas itu, saya melatih mereka menulis huruf besar dan huruf kecil abjad Aa-Zz dalam buku latihan tiga garisan. Contoh setiap huruf itu ditulis mengikut urutan diberi kepada mereka. Kemudian, saya meminta mereka meniru dan menyalin huruf itu satu per satu dalam buku latihan tiga garisan. Saya juga berjaya melatih mereka menulis dengan baik. Namun, ada kalanya mereka tidak ambil berat terhadap kerja saya. Oleh itu, saya sentiasa menyedarkan mereka tentang kepentingan tulisan dalam kehidupan seharian. Ini kerana tulisan merupakan salah satu cara komunikasi secara bertulis dengan orang lain. Mereka faham akan nasihat saya itu.

Seterusnya, saya melatih mereka menulis perkataan. Saya meminta mereka menulis satu perkataan demi satu perkataan dalam buku latihan 3 garisan. Selepas mereka boleh menulis perkataan dengan baik, saya melatih mereka menulis rangkai kata pula. Apabila mereka dapat menulis dengan kemas dan baik, saya meminta mereka menulis ayat mudah pula.

Selepas mereka boleh menulis ayat mudah dengan teratur dan kemas dalam buku latihan, saya pun meminta mereka menyalin perenggan pendek. Langkah terakhir saya ialah meminta mereka menyalin petikan pendek dalam buku latihan 3 garisan.

TEKNIK MENGUMPUL DATA

Saya telah membuat pemerhatian ke atas pelajar-pelajar saya dengan memerhati cara mereka menulis, cara mereka memegang pensel, dan kedudukan tangan mereka semasa menulis. Saya juga menemubual mereka. Hasil temu ramah, saya dapati mereka ada usaha untuk menulis dengan baik tetapi mereka belum dapat mencapainya.

DAPATAN KAJIAN

Pada akhir kajian tindakan saya, saya telah berjaya membaiki tulisan 3 daripada 5 orang pelajar saya. Kini, mereka boleh menulis dengan teratur, kemas, dan baik. Tulisan mereka mudah dibaca. Oleh itu, saya tidak lagi menghadapi masalah menyemak buku latihan dan kertas soalan 3 orang pelajar tersebut. Dua orang pelajar yang masih belum mencapai sasaran saya namun telah pun menunjukkan sedikit perubahan jika dibandingkan dengan dahulu. Ini membuktikan Kaedah Ansur Maju itu berkesan untuk membantu pelajar menguasai kemahiran menulis dengan betul.

REFLEKSI

Selepas menjalani kajian tindakan ini, saya telah dapat memperbaiki mutu pengajaran dan pembelajaran saya. Saya berjaya membimbing 3 orang pelajar saya menguasai kemahiran menulis dengan betul, teratur, dan kemas. Walaupun saya gagal membantu 2 orang pelajar lain, namun saya akan terus membimbing mereka dengan mengulangi langkah-langkah dalam **Kaedah Ansur Maju** ini sehingga mereka dapat menulis dengan baik, kemas, dan teratur.

Dari segi pelajar pula, mereka melahirkan perasaan cukup gembira kerana berjaya menulis dengan kemas, teratur dan mudah dibaca berbanding dengan tulisan mereka dahulu. Dari segi, minat terhadap pengajaran dan pembelajaran, mereka lebih berminat untuk menulis berbanding dengan sikap mereka dahulu.

Pada mulanya, saya amat berminat untuk mengikut kajian tindakan ini. Setelah mengikuti 2 sesi, saya berasa amat keliru. Saya tidak tahu apa yang hendak dibuat. Saya langsung tidak faham apa yang sedang dijalankan. Kalau faham pun adalah semasa saya duduk mendengar penerangan daripada pensyarah. Selepas balik ke rumah, fikiran saya pula menjadi kosong. Saya tidak dapat meneruskan kajian tindakan yang dirancang semasa sesi bengkel kerana saya betul-betul keliru dengan format merancang dan menulisnya.

Walau bagaimanapun, saya tetap membuat tindakan kajian ini mengikut fahaman saya sendiri dan merujuk kepada nota yang diberi oleh pensyarah dan bahan rujukan yang ada pada saya. Saya berpendapat bahawa tindakan kajian ini memang ada dijalankan oleh setiap orang guru. Yang membezakan tindakan kajian ini dengan tindakan guru-guru yang telah buat ialah tindakan kajian ini perlu didokumentasikan. Tindakan menulis dan mendokumentasi inilah yang amat membebaskan saya. Saya mengaku memang saya selalu membuatnya tetapi tidak mendokumentasikannya sahaja.

Selepas menjalani kajian tindakan ini, saya telah dapat memperbaiki mutu pengajaran dan pembelajaran saya. Saya berjaya membimbing pelajar saya menguasai kemahiran menulis dengan betul, teratur, dan kemas.

Dari segi pelajar-pelajar itu pula, mereka berasa gembira. Semasa saya berbual-bual dengan mereka, mereka melahirkan perasaan cukup gembira kerana mereka tidak lagi dimarahi oleh guru-guru lain kerana tulisan mereka cakar ayam. Malah, ada yang dipuji kerana berjaya menulis dengan baik. Dari segi minat terhadap pengajaran dan pembelajaran, mereka lebih berminat untuk belajar berbanding dengan dahulu. Namun, pencapaian akademik mereka masih belum ada menunjukkan kemajuan yang ketara. Ini kerana mereka agak lemah dalam akademik sejak sekolah rendah. Saya sarankan kajian tindakan ini perlu lagi didedahkan kepada mereka untuk membantu mereka menguasai kemahiran membaca, mengira, dan sebagainya.

BIBLIOGRAFI

- Bahagian Pendidikan Guru. (2001). *Garis panduan pelaksanaan kursus penyelidikan tindakan maktab perguruan*. Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Gan Teck Hock. (1999). Mencari titik keseimbangan di antara keunggulan teori dan kenyataan praktis: satu kes pelaksanaan pembelajaran koperatif dalam pengajaran matematik sekolah rendah. *Jurnal Penyelidikan Pendidikan Maktab Perguruan Sarawak*, Jilid 2, No 1, 68-85.
- Jeffery anak Menggu. (2003). "Aya Du." Dalam *Prosiding Seminar Kajian Tindakan 2003, 8-9 Oktober 2003*. Terbitan bersama Maktab Perguruan Tun Abdul Razak, Samarahan dan Jabatan Pendidikan Bahagian Sri Aman, 133-147.

Ringkasan Sesi

Soalan 1: Bagaimana mendapatkan data dalam metodologi anda? (Cikgu Benjamin)

Jawapan: Menggunakan lembaran kerja dan pemerhatian (Cikgu Tiong).

Komen: Boleh mengadakan pertandingan tulisan cantik untuk pelajar (Cikgu Storey).

Jawapan: Akan diusahakan (Cikgu Tiong).

Soalan 2: Bagaimana dan apakah teknik mengajar tulisan yang digunakan? Adakah teknik sendiri atau teknik dari CD? (Cikgu Nor Sharizan)

Jawapan: Belajar mengikut urutan huruf. Jika asas, perlu ikut urutan. Caranya cara penyelidikan, cara sendiri (Cikgu Tiong).

Komen: Langkah-langkah pelaksanaan boleh dikongsi bersama kerana pada pandangan saya, langkah-langkah yang digunakan merupakan langkah-langkah seorang pakar (Cikgu Abang Adenan).

Dilaporkan oleh:

Cikgu Noyien Misid
Sek. Keb. Tanjung Bijat